

# PENSIJILAN AMALAN PERTANIAN BAIK MALAYSIA

OLEH :

**Dayang Mazadah Awang Danen**  
**Seksyen Pensijilan Ladang**

**BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN,  
JABATAN PERTANIAN  
PUTRAJAYA**

**Tel: 03-88703448      Faks : 03-88887639**  
**[dygmazadah@doa.gov.my](mailto:dygmazadah@doa.gov.my)**



# ISI KANDUNGAN

APA ITU AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP)

APA ITU myGAP

Status Pensijilan myGAP

Status Standard Pensijilan Lebah & Kelulut

Permohonan Pensijilan

Elemen Pensijilan



# Apa itu GAP?




# AMALAN PERTANIAN BAIK (APB)

Amalan bagi mengawal/mengurangkan bahaya, risiko semasa proses pengeluaran, penuaan dan lepas tuai. Amalan ini juga menjamin:



**Keselamatan makanan**



**Hasil berkualiti**



**Memelihara alam sekitar**



**Keselamatan pekerja terjamin**



www.shutterstock.com - 1513961405



# Apa itu myGAP?



# myGAP

**myGAP (Malaysian Good Agricultural Practice)** adalah skim pensijilan yang dirangka dan dilaksanakan sejak tahun 2002 oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang-ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik.

## SEJARAH PENSIJILAN AMALAN PERTANIAN BAIK MALAYSIA

### Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM);

Dibangunkan oleh Jabatan Pertanian bagi memberi pengiktirafan kepada ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik berpandukan Malaysian Standard MS 1784:2005 *Crop Commodities-Good Agricultural Practice*

### Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)

2002-2012



### myGAP Sektor Tanaman;

Merupakan penjenamaan semula Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) memberi pengiktirafan kepada ladang mengamalkan amalan pertanian baik berpandukan Malaysian Standard MS 1784:2005 *Crop Commodities-Good Agricultural Practice*

### myGAP (Malaysian Good Agricultural Practice)

Ogos 2013





# PELANCARAN myGAP

Pelancaran myGAP telah disempurnakan oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia pada 28 Ogos 2013.





# Kepentingan Pensijilan myGAP


Pertanian mampan bukan satu **PILIHAN** –  
tetapi adalah **MESTI DILAKSANAKAN**



In other words, GAP must be brought into the process or management of their agricultural production

Evidence of GAP should be examined and evaluated from every aspect of business activities of a farm


**GAP certification is a must by many importing countries**



# PENYELESAIANNYA ?

Pengeluar hasil pertanian Malaysia mesti mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pengimport dan pembeli – hasil pertanian yang berkualiti, selamat dimakan dan diusahakan secara mesra alam dan mengambil kira kebijakan pekerja

GlobalGAP, myGAP, TESCO CHOICE, Standard MS



Dengan kata lain, mesti amalkan APB dalam proses atau pengurusan pengeluaran hasil pertanian mereka



APB hendaklah juga dibuktikan di mana semua urusan aktiviti ladang hendaklah diperiksa dan dinilai



Pengusaha yang ingin kompetitif mesti mempunyai SIJIL pengesahan APB




# KESAN AMALAN PERTANIAN YANG TIDAK BAIK

**Antaranya;**

- Hasil yang kurang berkualiti
- Serangan penyakit
- Kos pengeluaran yang tinggi
- Pemusnahan alam sekitar
- Masalah pada tanah untuk tanaman  
(Kekurangan nutrien mikro, unsur surih dan tidak subur/tanah gersang)



# APB DI SELURUH DUNIA






# APB DI NEGARA ASEAN

**Thailand -  
Q Mark /  
ThaiGAP**


**Malaysia-  
myGAP**

**Indonesia-  
Indo GAP**




**Singapore- GAP-VF**

**ASEAN GAP**



## FAEDAH KEPADA PENGETAHUAN



Hasil yang dikeluarkan dari ladang myGAP boleh menggunakan logo myGAP pada pembungkus



Hasil pertanian mudah dikenali dan dapat bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa



Produk boleh dipasarkan sebagai produk yang selamat dimakan



Meningkat hasil pengeluaran yang lebih berkualiti

Mengurangkan pencemaran kepada hasil

Mengurangkan kehilangan hasil pengeluaran

## FAEDAH KEPADA PENGGUNA



Pengguna mendapat keyakinan bahawa produk yang dibeli adalah selamat dan berkualiti (mematuhi piawaian MS1784:2005)



## FAEDAH AMALAN PERTANIAN BAIK

## FAEDAH KEPADA ALAM SEKITAR

- Mengurangkan pencemaran alam sekitar
- Mengurangkan pemusnahan Alam
- Mengamalkan penggunaan bahan dari dalam lading (Tanaman)
- Boleh mengatasi masalah tanah; (Tanaman)
  - ✓ Mati/gersang
  - ✓ Berasid dan tidak ada microorganism
  - ✓ kekurangan nutrient micro, unsur surih, dan tidak subur
  - ✓ Tidak ada bahan organik

## FAEDAH KEPADA KESELAMATAN PEKERJA

- Keselamatan dan kebajikan pekerja terjamin
- Penggunaan racun yang minimum, dan terkawal (Tanaman)





# Status Pensijilan myGAP?






# KELUASAN LADANG myGAP

- Jumlah keluasan tanaman makanan = 615,384 hektar
  
- Jumlah keluasan ladang yang telah dipersijilkan myGAP sehingga JULAI 2017 = **2201.15 hektar**
  
- Peratus keluasan ladang yang mengeluarkan makanan selamat = **3 % sahaja**




## Pensijilan myGAP mengikut Negeri dari tahun 2002-Julai 2017



Data Mesy J/K APB bil. 2/2017



# Pensijilan myGAP mengikut Keluasan Komoditi



Data Mesy J/K APB bil. 2/2017



# Status Standard Pensijilan Lebah & Kelulut?



# STANDARD AMALAN PERTANIAN BAIK LEBAH DAN KELULUT

- ✓ Melepasi peringkat public comment
- ✓ Status terkini standard:  
**Peringkat Approval** dari Jab.  
Standard Malaysia utk printing & publication



# STANDARD AMALAN PERTANIAN BAIK LEBAH DAN KELULUT

- Dibangunkan mulai tahun 2016
- Amalan Pertanian Baik (APB) - Pemeliharaan lebah (*Apis sp.*) dan kelulut (*Melipona sp.*)
- **myOrganic** bagi Lebah agak sukar dipatuhi terutama yang melibatkan buffer zone



# PENSIJILAN myOrganic

Satu program pensijilan untuk mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik mengikut keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam piawaian (standard) organik negara





# ZON PENAMPAN bagi myOrganic Lebah

Zon penampan ternakan lebah=5km

Kawasan  
haif


3km jejari

- ✓ Diurus secara organic
- ✓ Ditanam tanaman organic
- ✓ Kawasan tidak bertanam
- ✓ Kawasan semulajadi

- ✓ Haif mesti berada dlm jarak 5km dr kws tinggi risiko pencemaran  
( cth: pertanian konvensional, zon industri, lebuhraya)



Keselamatan  
makanan



Memelihara alam  
sekitar



Kebajikan  
Lebah/Kelulut



Hasil berkualiti

Keselamatan pekerja  
terjamin



# Pengusaha Lebah & Kelulut Malaysia

- Sebanyak **651** Pernak Lebah & **717** Pernak Kelulut
- Sejumlah **1368** penternak boleh memohon myGAP

**RINGKASAN DIREKTORI PENTERNAK LEBAH MADU & LEBAH KELULUT DI MALAYSIA**  
**TAHUN: 2017**

Bil	Negeri	Lebah Madu						Kelulut					
		Bil. Penternak	Bil. Koloni	Madu (kg)	RM (Madu)	RM (Produk Hiliran)	Jenis Produk Hiliran	Bil. Penternak	Bil. Koloni	Madu (kg)	RM (Madu)	RM (Produk Hiliran)	Jenis Produk Hiliran
1	Perlis							8	420	175.60	45,500.00		
2	Kedah							79	6,821	15,504.80	2,723,080.00	16,300.00	Sabun
3	Pulau Pinang							22	285				
4	Perak	2	14	1.00	100.00			34	2,217	2,409.00	355,115.00		
5	Selangor							47	1,860	2,141.18	425,507.00		
6	Negeri Sembilan							6	2,640	3,067.20	484,020.00		
7	Melaka	4	750	10,948.00	437,920.00			17	1,571	1,624.03	252,217.00		
8	Johor	10	258	1,979.00	168,326.00			36	5,254	19,157.40	285,400.00	79,040.00	Koloni dan Sabun
9	Pahang	14	350	12,600.00	1,890,000.00	126,000.00	Sabun	88	4,704	4,717.70	571,109.00	9,705.00	Sabun, losyen dll
10	Terengganu	1	35	882.00	44,100.00			194	5,992	8,455.00	1,745,278.00	29,200.00	
11	Kelantan							115	8,247	12,731.00	2,030,586.00		
12	WP Labuan							5	984	2,118.00	178,800.00		
13	Sabah	618	10,434										
14	Sarawak	2	550	1,320.00	158,400.00			66	17,298	66,479.80	7,891,696.00	4,400.00	Sabun
<b>JUMLAH</b>		<b>651</b>	<b>12,391</b>	<b>27,730.00</b>	<b>2,698,846.00</b>	<b>126,000.00</b>		<b>717</b>	<b>58,293</b>	<b>138,580.71</b>	<b>16,988,308.00</b>	<b>138,645.00</b>	



# BAGAIMANA UNTUK MEMPEROLEHI myGAP BAGI LEBAH DAN KELULUT



change

## Siapa layak memohon myGAP?

- Persendirian
- Syarikat Swasta
- Agensi dan Badan Berkanun

## Syarat permohonan;

- Tanah yang diusahaikan sah disisi undang-undang
- Hasil dikeluarkan untuk jualan domestik atau eksport





www.shutterstock.com - 153561405



# PERINGKAT PENSIJILAN

## Syarat pensijilan

Pemohon hendaklah **LULUS**;

- ✓ Pemeriksaan Tapak
- ✓ Analisis sampel hasil
- ✓ Pemeriksaan amalan ladang


## Tempoh sahlaku sijil

2 tahun





# CARTA ALIR PENSIJILAN myGAP



## PERINGKAT PERSEDIAAN

Pengarah Pertanian Negeri

## PERINGKAT PENSIJILAN

Bahagian Pengurusan  
Dan Pemuliharaan  
Sumber Tanah

Bahagian Kawalan Kualiti  
Tanaman



JABATAN  
PERTANIAN

change  
4 life

Eat well. Move more. Live longer.

# SIJIL



# SKIM AMALAN PERTANIAN BAIK MALAYSIA



MALAYSIAN GOOD  
AGRICULTURAL PRACTICE



Jabatan Pertanian Malaysia,  
Aras 7, Wisma Tani, No. 30,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62624 Putrajaya  
03-8870 3448 / 3454 / 3450 /  
3569 / 3570 / 3566  
Faks: 03-8888 7639  
[www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)



# DOCUMENTS – GAP Manual for Officers and Farmers

## SKIM AMALAN PERTANIAN BAIK MALAYSIA



MALAYSIAN GOOD  
AGRICULTURAL PRACTICE





# PENSIJILAN myGAP

## Lebah & Kelulut



# ELEMEN myGAP

- 1. Kebolehkesanan**
- 2. Penyimpanan Rekod Dan Audit**
- 3. Pemilihan Tapak/Ilokasi**
- 4. Pengurusan Apiari/Meliponari**
- 5. Pematuhan Standard**
- 6. Keperluan Perundangan**



# ELEMEN myGAP



## 1. Kebolehkesanan

- hasil tuaian boleh dikesan dr Idg mana dikeluarkan

## 2. Penyimpanan Rekod dan Audit

- Menyediakan rekod semua aktiviti ladang, boleh diakses & diudit
- Simpan rekod untuk sekurang-kurangnya dua tahun atau mengikut keperluan undang-undang
- Audit akan dijalankan oleh pihak Jabatan

# ELEMEN myGAP



## 3. Pemilihan Tapak/Lokasi

- Bukti untuk mengusahakan ladang.
- Pemeliharaan lebah/kelulut **tidak dijalankan di lokasi yang mempunyai sebarang potensi pencemaran dan risiko keselamatan**
- Mematuhi perundangan alam sekitar - kebersihan udara, air, tanah, biodiversiti dll
- Pemilihan tapak **bersesuaian dengan spesis dan habitatnya**
  - mempunyai **sumber makanan** seperti manisan, debunga dan air;
  - mempunyai **sumber bahan binaan sarang** seperti resin;
  - **tiada gangguan perosak**
  - **tiada tumbuhan yang mendatangkan toksik** seperti Ericaceae sp., Rhododendron sp.; dan
  - mempunyai **teduhan dan cahaya matahari** yang mencukupi.



## 4.Pengurusan Apiari & Meliponari

- 1) Haif
- 2) Pemilihan Koloni
- 3) Pemindahan Koloni
- 4) Penggandaan Koloni
- 5) Kebajikan Lebah & Kelulut
- 6) Pengurusan Perosak
- 7) Pengangkutan
- 8) Pengurusan Sisa
- 9) Penuaian
- 10) Pemprosesan
- 11) Pembungkusan
- 12) Penyimpanan
- 13) Analisis
- 14) Kebajikan Pekerja

# ELEMEN myGAP



## 4. Pengurusan Apiari dan Meliponari

### 4.1 Haif

- Diperbuat daripada **bahan yang tidak mendatangkan risiko pencemaran kepada lebah, kelulut, hasil tuaian dan alam sekitar.**
- **Tidak diletak secara terus di atas tanah.**



# ELEMEN myGAP

## 4. Pengurusan Apiari dan Meliponari



### 4.2 Pemilihan Koloni

- Makanan cukup
- Sesuai dgn habitat
- Kuat
- Stabil
- Aktif
- Bebas daripada perosak



Perolehan sumber koloni hendaklah mematuhi perundangan semasa negara atau negeri



# ELEMEN myGAP



## 4. Pengurusan Apiari dan Meliponari

### 4.3 Pemindahan Koloni

- Pastikan **ratu, lebah pekerja dan sel anak dipindahkan bersama** ke dalam haif dengan mengambil kira kebajikan koloni seperti suhu ambien dan sumber makanan yang mencukupi

### 4.4 Penggandaan Koloni

- Lebah** penggandaan haruslah dilakukan terhadap koloni yang mengandungi sekurang-kurangnya **8 bingkai kom** yang **dipenuhi telur, anak pelbagai peringkat, debunga** dan **madu** serta **bebas daripada perosak**.
- Kelulut**, penggandaan haruslah dilakukan terhadap koloni yang mengandungi sekurang-kurangnya **10 lapisan sel eraman**. Koloni mempunyai makanan yang mencukupi, sesuai dengan habitatnya, kuat, stabil, aktif dan hendaklah bebas daripada perosak.
- Perolehan sumber koloni hendaklah mematuhi perundangan semasa negara atau negeri

# ELEMEN myGAP

## 4.5 Kebajikan lebah/kelulut

1. **Penggunaan asap** semasa pengurusan koloni hendaklah **diminimumkan** dengan menggunakan bahan semulajadi dan selamat.
2. **Pintu masuk sarang/haif** haruslah **ditutup semasa pewasapan nyamuk** atau kerja-kerja meracun dijalankan untuk mengelakkan kemasuhan koloni.
3. **Sumber air** haruslah **disediakan** bagi keperluan lebah/kelulut.
4. Makanan tambahan haruslah disediakan pada musim yang kritikal seperti musim hujan atau panas bagi menjamin kelangsungan hidup koloni.
5. **Madu dan roti lebah** haruslah **ditinggalkan** sekurang-kurangnya sebanyak **30 %** semasa penuaian bagi memastikan kelangsungan hidup koloni.
6. **Ratu lebah/kelulut** hendaklah tidak **disentuh atau dicederakan**. **Permanian beradas** bagi lebah/kelulut **adalah dibenarkan**.
7. Pemeriksaan secara berkala haruslah dijalankan di setiap haif seperti memastikan tiada ancaman perosak dan koloni mempunyai **makanan yang mencukupi**.



# ELEMEN myGAP



## 4.6 Pengurusan perosak

- Pengurusan perosak hendaklah dilakukan **melalui pengurusan mekanikal dan biologi**. Sekiranya langkah-langkah pencegahan gagal, pengusaha haruslah mendapatkan nasihat daripada pihak yang kompeten.
- Amalan **pemusnahan lebah jantan hanya dibenarkan** untuk membendung serangan hama yang menyebabkan penyakit *varroa*.
- **Pengawasan perosak** hendaklah dilakukan secara berkala dan direkodkan.



# ELEMEN myGAP

## 4.7 Pengangkutan

- **Pemindahan lokasi koloni** hendaklah **mengambil kira kebajikan koloni** seperti pengudaraan, suhu dan tempoh perjalanan.
- **Pengangkutan madu** haruslah **mempunyai sistem kawalan suhu** bagi menjamin kualiti madu.



# ELEMEN myGAP

## 4.8 Pengurusan sisa

- i. Ladang **hendaklah bersih daripada semua jenis sisa** bagi mengelakkannya menjadi tempat pembiasakan perosak.
- ii. Sisa hendaklah **dikenalpasti bagi program kitar semula** atau pelupusan.
- iii. **Pembakaran** sisa hendaklah **dielakkan**.





# ELEMEN myGAP



## 4.9 Penuaian

- dilakukan apabila **90 % daripada kom madu setiap bingkai madu tertutup.**
- Penuaian **madu dan roti lebah bagi kelulut** hendaklah daripada kantung yang tertutup sahaja.
- **tidak dilakukan semasa musim hujan dan panas yang berpanjangan** bagi menjamin kelangsungan koloni.
- **lokasi dan persekitaran yang bersih** serta meminimumkan sebarang gangguan dan pencemaran.
- **Semua peralatan dan bekas penuaian** hendaklah dalam keadaan **yang bersih, tahan asid, baik dan diselenggara.**
- Kaedah penuaian secara pemusnahan lebah/kelulut dan sarangnya hendaklah dilarang.

# ELEMEN myGAP

## 4.10 Pemprosesan

- i. dilakukan di dalam **persekitaran yang bersih** untuk mencegah sebarang kontaminasi terhadap hasil tuaian.
- ii. Premis pemprosesan haruslah **mematuhi garis panduan** yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkompeten.
- iii. **Madu dan roti lebah hendaklah didehidrasi pada suhu tidak melebihi 40 °C.** Kandungan air bagi madu lebah hendaklah **tidak melebihi 20 %** manakala bagi madu kelulut hendaklah tidak **melebihi 22 %**.



# ELEMEN myGAP

## 4.11 Pembungkusan

Hasil tuaian yang ingin dipasarkan hendaklah dibungkus di dalam bekas yang;

- i. bersih,
- ii. tahan asid,
- iii. menepati piawai pembungkusan makanan dan,
- iv. Dilabel (ikut *Akta Makanan 1983 (Akta 281)* dan *Peraturan-Peraturan Makanan 1985*)





# ELEMEN myGAP

## 4.12 Penyimpanan

- Hasil tuaian disimpan di dalam bekas yang;
  - i. bersih
  - ii. tahan asid dan menepati piawai penyimpanan makanan.
- Bekas berisi hasil tuaian tidak boleh diletak secara terus di atas tanah/lantai bagi menjamin kebersihan.
- Pengawalan perosak yang mencukupi dan bersesuaian hendaklah dilaksanakan di kawasan pengendalian dan penyimpanan bahan pembungkusan.



# ELEMEN myGAP

## 4.13 Analisis

- Analisis ;
  - i. kandungan logam berat,
  - ii. sisa baki racun dan
  - iii. ubatan veterinar pada hasil tuaian
- mematuhi peruntukan yang ditetapkan dalam *AktaMakanan 1983 (Akta 281)* dan *Peraturan-Peraturan Makanan 1985*.

# ELEMEN myGAP






## 4.14 Kebajikan pekerja

- Pelantikan pekerja mematuhi undang-undang
- Pekerja;
  - i. diberi latihan & direkodkan
  - ii. dalam keadaan yang sihat dan bersih
  - iii. latihan dalam mengendalikan proses penuaian dan pengendalian alatan yang berbahaya bagi menjamin kualiti hasil tuaian yang selamat dan berkualiti.
  - iv. memakai pakaian pelindung diri yang sesuai seperti pelindung muka, sarung tangan atau suit yang lengkap semasa proses penuaian.
- Peti Petolongan cemas disediakan di tpt yang kekal diladang
- Tanda amaran di kawasan yang dikenalpasti merbahaya
- Prosedur menangani kemalangan & kecemasan disediakan
- Jika tempat tinggal disediakan diladang hendaklah selesa dan selamat didiami serta mempunyai kemudahan dan keperluan asas.



### 3. KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

Pengusaha hendaklah menyediakan **pelan tindakan keselamatan** dan dipaparkan di tempat yang strategik.



### 3. KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN



Ubat makan tidak dibenarkan diletak didalam peti kecemasan



Menyediakan peti petolongan cemas & memastikan diisi dari semasa ke semasa



# ELEMEN myGAP

## 5 Pematuhan standard

- Setiap hasil tuaian yang diperiksa oleh pihak berkuasa dan didapati menepati keperluan *Malaysian Standard* ketika pemeriksaan dibuat, boleh diberi perakuan telah mematuhi standard ini.



# ELEMEN myGAP

## 6 Keperluan perundangan

- Aspek lain dalam pengeluaran hasil tuaian hendaklah mematuhi keperluan perundangan yang berkuatkuasa di Malaysia.






# UNDANG-UNDANG BERKAITAN



Akta Makanan 1983



Akta Racun Makhluk Perosak 1974



Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974



Akta Lembaga Pemasaran Pertanian  
Persekutuan 1965



Akta Keselamatan & Kesihatan  
Pekerjaan 1994

# INFO LANJUT



**Seksyen Pensijilan Ladang  
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman  
Wisma Tani, Aras 7  
No. 30 Persiaran Perdana  
Presint 4, 62624 Putrajaya**

**Tel: 03-88703448 Faks : 03-88887639**



# KESIMPULAN

Produk myGAP adalah produk yang berkualiti dan selamat untuk dimakan dan seterusnya bermanfaat kepada pengguna



change  
4 life

Eat well. Move more. Live longer.



Thank you

